



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN SUMBANGAN KEWANGAN, DORONGAN MOTIVASI DAN
SUMBANGAN KEPAKARAN SUKARELAWAN ALUMNI TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK MURID***

DURASNITA BINTI ABDULLAH

FPP 2016 10



**HUBUNGAN SUMBANGAN KEWANGAN, DORONGAN MOTIVASI DAN
SUMBANGAN KEPAKARAN SUKARELAWAN ALUMNI TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK MURID**



**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mei 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Buat Ayahanda dan Bonda Tuan Haji Abdullah bin Awang dan Puan Hajah Rahimah binti Mohamad, terima kasih sentiasa mendoakan anakanda.

Buat suami tercinta Ahmad Patria bin Dato' Abdullah, terima kasih kerana sentiasa menyayangi, mengerti dan memahami adinda.

Buat anakanda-anakanda tersayang, Abdullah Faris, Abdullah Khalil, Abdullah Hasif, Sarah Hanina Nadhrrah dan Sarah Amelyn Nazihah, semoga kejayaan bonda menjadi inspirasi anakanda-anakanda semua.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN SUMBANGAN KEWANGAN, DORONGAN MOTIVASI DAN
SUMBANGAN KEPAKARAN SUKARELAWAN ALUMNI TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK MURID**

Oleh

DURASNITA BINTI ABDULLAH

Mei 2016

Pengerusi : Norlizah bt Che Hassan, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Objektif utama kajian adalah untuk menentukan hubungan antara sumbangan kewangan, dorongan motivasi dan sumbangan kepakaran sukarelawan alumni di sekolah dengan pencapaian akademik murid tingkatan empat. Kajian dijalankan di dua buah sekolah berasrama penuh satu jantina di daerah Seremban yang mempunyai penglibatan aktif alumni iaitu Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban dan Kolej Tunku Kurshiah, Seremban. Berteraskan Anjakan Ke Sembilan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) dalam Sarana Sekolah menjadi asas kajian kerana perubahan Sistem Persekolahan kepada Sistem Pembelajaran. Komuniti perlu aktif dilibatkan dengan sekolah dan sekolah bukan hanya bergantung kepada Pengetua, guru-guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) sahaja. Teori Pertukaran Sosial digunakan untuk menjelaskan mengapa alumni kembali terlibat dengan sekolah walaupun lama meninggalkan sekolah sebagai satu tindakan membala budi terhadap kejayaan sekolah yang menjadikan mereka individu berjaya. Pendekatan kajian ialah kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian kes dan kajian korelasi, menggunakan soal selidik ubahsuai *Catholik Alumni Review of Educational Support (CARES)* dan adaptasi daripada dua penyelidik luar negara. Didapati tahap sumbangan kewangan sukarelawan alumni, mempunyai hubungan signifikan dengan tahap pencapaian akademik murid, $r = .192$, $P < 0.05$ begitu juga dengan tahap dorongan motivasi sukarelawan alumni, $r = .176$, $P < 0.05$ dan tahap sumbangan kepakaran sukarelawan alumni juga mempunyai hubungan signifikan, $r = .188$, $P < 0.05$ dengan tahap pencapaian akademik murid. Hubungan yang wujud adalah lemah. Melalui kajian ini, penyelidik mencadangkan agar sekolah yang tiada penglibatan alumni aktif, dapat memanfaatkan dan membuka ruang dan peluang kepada alumni mereka untuk bergerak aktif di sekolah sebagai alternatif memajukan sekolah selain hanya bekerjasama dengan PIBG sekolah semata-mata dalam setiap program anjuran sekolah. Peranan alumni di sekolah seharusnya dimaksimumkan dengan melibatkan alumni dalam setiap aktiviti kecemerlangan murid di sekolah. Alumni seharusnya diletakkan di satu posisi yang khusus dalam

PIBK. Untuk menjayakan perubahan Sistem Persekolahan kepada Sistem Pembelajaran, alumni yang harus dilibatkan secara aktif selain ibu bapa.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the Degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP OF FINANCIAL CONTRIBUTION,
MOTIVATIONAL IMPETUS AND CONTRIBUTION OF EXPERTISE
FROM ALUMNI VOLUNTEERS TOWARDS ACADEMIC ACHIEVEMENT
OF THE STUDENTS**

By

DURASNITA BINTI ABDULLAH

May 2016

Chairman : Norlizah bt Che Hassan, PhD
Faculty : Educational Studies

The main objective of the study is to determine the relationship among the financial contribution, motivational impetus and contribution of expertise from alumni volunteers with academic achievement of the form four students. The study is conducted in two single sex boarding school in Seremban district which are, Sekolah Dato' Abdul Razak and Tunku Kurshiah College of which alumni volunteers who are active. Based on the Ninth Transformation Shift of Malaysia Education Blueprint 2013-2025, the partnership of education in school must be implemented due to the change from a School Learning to System Learning. The active participation of the community in school is required as an addition to the traditional role of the principal, the teachers and Parents and Teacher Association (PTA). The Social Exchange Theory postulates that the alumni active in their former school even though they have long ceased to be students as a gesture of appreciation for all that their former school have done for them and its contribution to their success. This quantitative design with case study and correlation uses an amended Catholik Alumni Review of Educational Support (CARES) questionnaire plus adaptation from two foreign researchers. It has discovered that the level of financial contribution of the alumni, had a significant relationship with the level of students' academic achievement, $r = .192$, $P < 0.05$ and the same is also true for the level of motivational impetus, $r = .176$, $P < 0.05$ and the level of alumni contribution in the form of expertise $r = .188$, $P < 0.05$ with the level of students' academic achievement. The relationship is weak. The researcher hopes that this study, will serve to illustrate the potential role of the alumni in improving the academic achievement of students in secondary schools. It is as an alternative for the school rather than hoping on PTA alone to get involved in all school programme. The role of alumni in the school should be maximized by involving alumni in every activity of excellence in schools. Alumni should be placed in a special position in PIBK. To make changes from School System to the Learning System, alumni should be involved actively in addition to parent.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Tuhan yang Maha Pemurah, Maha Pengasih, Maha Penyayang dengan limpah kurniaNya, menganugerahkan saya kekuatan, kesungguhan dan dedikasi untuk menyempurnakan tesis ini.

Saya amat berterima kasih dan terhutang budi kepada Dr. Norlizah Bt Che Hassan daripada Fakulti Asas Pendidikan dan Profesor Dr. Turiman Suandi daripada Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang merupakan penyelia saya dalam menjalankan penyelidikan ini. Di atas segala nasihat, bimbingan, teguran serta panduan yang diberikan oleh mereka berdua sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Sesungguhnya budi dan jasa mereka sangat besar kepada saya, tidak terbalas dengan kata-kata atau sebarang nilai wang ringgit. Juga kepada Puan Siti Suria Salim yang menjadi penasihat saya sepanjang semester pertama dan memberikan idea berkaitan fokus kajian saya sehingga selesai penyelidikan dan penulisan tesis ini. Tidak lupa kepada semua pensyarah yang pernah membantu dan membimbing saya secara formal atau tidak formal. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih di atas segala tunjuk ajar.

Selain itu, ribuan terima kasih kepada pengetua-pengetua sekolah semasa kajian ini dijalankan iaitu, Tuan Abdul Halim Bin Mohd Yunus, Pengetua Cemerlang Sekolah Dato' Abdul Razak, Cik Lucy Magaret Ratnam, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan St. Paul dan Puan Hamizan Bt. A Hamid, Pengetua Kolej Tunku Kurshiah yang membenarkan kajian dijalankan di sekolah mereka dan mengarahkan kaunselor-kaunselor sekolah mereka membantu saya. Tidak lupa kepada Kaunselor Sekolah Dato' Abdul Razak, Encik Mohd Shahabudin bin Harun, Kaunselor Kolej Tunku Kurshiah, Puan Nor Hanina Bt Shalin dan Kaunselor Sekolah Menengah St. Paul, Puan Nor Hafini Bt Yusuf yang bersama-sama membantu mengedarkan soal selidik kepada responden serta memberikan bahan-bahan berkaitan alumni sekolah mereka. Sesungguhnya jasa dan budi mereka dikenang sepanjang hayat dalam membantu saya menjalankan penyelidikan.

Tidak lupa kepada ayahanda saya, Tuan Haji Abdullah Awang dan bonda Puan Hajah Rahimah Mohamad yang sentiasa mendoakan saya, juga suami tercinta Encik Ahmad Patria Dato' Abdullah yang sentiasa merestui dan mendorong saya. Juga kepada adik-beradik saya, Durasni, Durasrizal, Durasnida, Durasnizee, Durasrizam dan Durasrizaidi yang sentiasa memotivasi saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Anakanda-anakanda saya yang sentiasa memahami kesibukan saya, Abdullah Faris, Abdullah Khalil, Abdullah Hasif, Sarah Hanina Nadhrah dan Sarah Amelyn Nazihah. Tidak ketinggalan rakan-rakan sepengajian, yang sentiasa membantu dan memberikan tunjuk ajar. Jutaan terima kasih diucapkan.

Akhirnya, saya akan jadikan pengalaman perjalanan saya dalam menuntut ilmu ini sebagai satu kemahiran berharga yang sangat berguna dalam pekerjaan saya. Segala jasa mereka yang membantu akan diingati dan dihargai. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan memberkati mereka semua. Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 24 Mei 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Durasnita binti Abdullah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Hubungan Sumbangan Kewangan, Dorongan Motivasi dan Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni terhadap Pencapaian Akademik Murid" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Aminuddin bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Tajularipin bin Sulaiman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Azlina Mohd Kosnin, PhD

Profesor Madya
Universiti Teknologi Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 23 Ogos 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Norlizah bt Che Hassan, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Turiman Suandi, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT,PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Durasnita Binti Abdullah (GS39111)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengurus

Jawatankuasa

Penyeliaan

: Dr. Norlizah bt Che Hassan

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan

: Profesor Dr. Turiman Suandi

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KELULUSAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
 BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Skop Kajian	13
1.9 Batasan Kajian	14
1.10 Kerangka Kajian	14
1.11 Definisi Istilah	15
1.11.1 Sumbangan Kewangan	15
1.11.2 Dorongan Motivasi	15
1.11.3 Sumbangan Kepakaran	15
1.11.4 Pencapaian Akademik Murid	15
1.11.5 Sukarelawan Alumni	16
1.12 Rumusan	16
2 SOROTAN LITERATUR	17
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni	17
2.3 Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni	21
2.4 Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni	24
2.5 Kerangka Teoretikal	27
2.6 Teori Pertukaran Sosial	29
2.7 Beberapa Teori Lain Berkaitan Penglibatan Alumni di Institusi Pengajian	33
2.8 Rumusan	34
3 METODOLOGI KAJIAN	36
3.1 Pendahuluan	36
3.2 Rekabentuk Kajian	36
3.3 Populasi dan Persampelan Kajian	37

3.3.1	Populasi Kajian	37
3.3.2	Sampel Kajian	40
3.4	Instrumen Kajian	41
3.4.1	Bahagian A: Maklumat Diri Murid	41
3.4.2	Bahagian B: Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni	43
3.4.3	Bahagian C: Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni	44
3.4.4	Bahagian D: Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni	45
3.5	Kajian Rintis	47
3.6	Kesahan	47
3.7	Kebolehpercayaan	48
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	49
3.9	Penganalisisan Data	49
3.10	Analisis Penerokaan Data	50
3.10.1	Histogram	50
3.10.2	<i>Normal Probability Plots (Q-Q plots)</i>	52
3.10.3	Ujian Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan <i>Kurtosis</i>	54
3.10.4	<i>Boxplot</i>	55
3.11	Rumusan	56
4	ANALISIS DATA	57
4.1	Pendahuluan	57
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	57
4.3	Analisis Deskriptif	58
4.3.1	Tahap Pencapaian Akademik Murid	58
4.3.2	Tahap Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni	59
4.3.3	Tahap Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni	61
4.3.4	Tahap Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni	63
4.4	Analisis Inferensi	64
4.4.1	Hubungan antara Tahap Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni dengan Tahap Pencapaian Akademik Murid Tingkatan Empat	65
4.4.2	Hubungan antara Tahap Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni dengan Tahap Pencapaian Akademik Murid Tingkatan Empat	65
4.4.3	Hubungan antara Tahap Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni dengan Tahap Pencapaian Akademik Murid Tingkatan Empat	66
4.5	Dapatan Hipotesis	67
4.6	Rumusan	67
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN KAJIAN DAN RUMUSAN	68
5.1	Pendahuluan	68
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan	68
5.2.1	Persoalan Kajian 1	68
5.2.2	Persoalan Kajian 2	68
5.2.3	Persoalan Kajian 3	70


5.2.4	Persoalan Kajian 4	71
5.2.5	Persoalan Kajian 5	72
5.3	Implikasi Teoretikal	74
5.4	Implikasi Praktikal	77
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	79
5.6	Rumusan	81
BIBLIOGRAFI		83
LAMPIRAN		96
BIODATA PELAJAR		106



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.1 Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	37
3.2 Pembahagian Sampel Kajian Setiap Sekolah	41
3.3 Cara Pemarkatan Pencapaian Akademik	42
3.4 Kategori Pencapaian Murid mengikut Markat	42
3.5 Item Sumbangan Kewangan Alumni	43
3.6 Item Dorongan Motivasi Alumni	44
3.7 Item Sumbangan Kepakaran Alumni	45
3.8 Skala Likert Mengikut Adaptasi Soal Selidik CARES	46
3.9 Nilai Pekali Cronbach's Alpha untuk Setiap Instrumen	48
3.10 Kaedah Penganalisisan Data	50
3.11 Kepencongan, Kurtosis bagi pemboleh ubah ($N=218$)	54
4.1 Bilangan Responden mengikut Jantina	57
4.2 Agihan Tahap Pemboleh Ubah Kajian	58
4.3 Tahap Pencapaian Akademik Murid	58
4.4 Tahap Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni	59
4.5 Min Item Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni	60
4.6 Tahap Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni	61
4.7 Min Item Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni	62
4.8 Tahap Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni	63
4.9 Min Item Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni	64
4.10 Analisis Korelasi Pearson antara Tahap Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni dan Tahap Pencapaian Akademik Murid	65

4.11	Analisis Korelasi Pearson antara Tahap Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni dan Tahap Pencapaian Akademik Murid	65
4.12	Analisis Korelasi Pearson antara Tahap Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni dan Tahap Pencapaian Akademik Murid	66
4.13	Rumusan Dapatan Hipotesis Kajian	67




SENARAI RAJAH

Rajah		
		Halaman
1.1 Kerangka Kajian		14
2.1 Kerangka Teoretikal Kajian		27
3.1 Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Alumni di SDAR		38
3.2 Sumbangan Kewangan, Dorongan Motivasi dan Sumbangan Kepakaran Alumni di TKC		39
3.3 Paparan Kejayaan Alumni pada Papan Kenyataan Khas di SASER		39
3.4 Histogram Min Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni		51
3.5 Histogram Min Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni		51
3.6 Histogram Min Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni		52
3.7 Q-Q plots Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni		53
3.8 Q-Q plots Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni		53
3.9 Q-Q plots Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni		54
3.10 Boxplots Sumbangan Kewangan Sukarelawan Alumni		55
3.11 Boxplots Dorongan Motivasi Sukarelawan Alumni		55
3.12 Boxplots Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni		56

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Soal Selidik	96
B	Surat Kebenaran Eprd	101
C	Surat Kebenaran Jpns	103
D	Kebenaran Guna Soal Selidik	104



SENARAI SINGKATAN

3K	Keselamatan, Kebersihan, Keceriaan
CARES	<i>Catholik Alumni Review of Educational Support</i>
CIP	<i>Community Involvement Program Alumni</i>
EdASP	<i>The Education Alumni Support Project</i>
GPA	Gred Purata Akademik
HRH	<i>Her Royal Highness</i>
HSIs	<i>Hispanic Serving Institutions</i>
IA	<i>Institutional Advancement</i>
IBKS	Penglibatan Ibu Bapa Komuniti dan Sektor Swasta
IUSF	<i>Indiana University Student Foundation</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KDYMM	Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia
KSAH	Kolej Sultan Abdul Hamid
MCOBA	Persatuan Alumni Maktab Melayu Kuala Kangsar
MGC	<i>Malay Girl College</i>
MSC	<i>Multimedia Super Corridor</i>
NGOs	Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan
NCAA	<i>National Collegiate Athletic Association</i>
NPAC	<i>National Alumni Council</i>
OGA	<i>Old Girl's Association</i>
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIBK	Pelibatan Ibu Bapa, dan Komuniti
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SAHOCA	Persatuan Bekas Murid Kolej Sultan Abdul hamid

SAS	<i>Smart Alumni System</i>
SASER	Sekolah Menengah Sains Tunku Munawir
SAT	<i>School Assessment Test</i>
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SDAR	Sekolah Dato' Abdul Razak
SDARA	Persatuan Alumni Sekolah Dato' Abdul Razak
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAN	SMK Tunku Ampuan Najihah
TKC	Kolej Tunku Kurshiah
YTM	Yang Teramat Mulia
UNCF	<i>United Negro College Fund's</i>
UNE	<i>University of New England</i>

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan aspek terpenting dalam membina sebuah negara yang masyarakatnya bersatu padu, makmur, maju, bertamadun, harmoni dan saling menghormati. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mahu menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti, berkesan serta signifikan kepada keperluan negara. Ini kerana perkembangan sosiobudaya yang sihat dan pembangunan ekonomi mampan (mengekalkan prestasi yang baik) bergantung kepada keupayaan menambah baik keberhasilan sistem pendidikan negara. Bagi memastikan kejayaan pendidikan, adalah penting mewujudkan kerjasama antara pihak berkepentingan melibatkan murid, guru, pemimpin sekolah, pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta pihak awam untuk menghadapi cabaran ini dengan pendekatan dan strategi baharu yang lebih kreatif dan inovatif.

Lima aspirasi Sistem Pendidikan negara Malaysia mengikut PPPM 2013-2025 ialah akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Manakala enam aspirasi untuk murid pula ialah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. PPPM 2013-2025 terus menggunakan visi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu pendidikan seimbang dengan menggabungkan kesemua enam aspirasi murid bagi mempersiapkan mereka untuk berjaya dan berkembang maju dalam dunia global yang semakin mencabar. Sebelas anjakan strategik dan operasi perlu dilaksanakan bagi menghasilkan perubahan yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Setiap anjakan yang dicadangkan perlu memberikan impak kepada sekurang-kurangnya satu daripada lima keberhasilan sistem, seperti akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Latar belakang kajian adalah berfokus kepada hubungan antara sekolah dengan komuniti dalam meningkatkan potensi dan bakat murid mengikut PPPM 2013-2025. Amalan perkongsian pendidikan antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti yang dicadangkan dalam Anjakan ke Sembilan menjadi teras utama kajian ini dijalankan. Kejayaan Sistem Pembelajaran yang diubah daripada Sistem Persekolahan memerlukan komitmen pelbagai pihak bukan hanya murid, guru, pengetua dan Persatuan Ibu Bapa (PIBG) sahaja, sebaliknya perlu juga melibatkan agensi kerajaan, agensi swasta serta komuniti sekitar seperti Persatuan Alumni dan individu perseorangan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sumbangan kewangan, dorongan motivasi dan sumbangan kepakaran sukarelawan alumni membantu sekolah meningkatkan potensi dan bakat murid dengan menentukan hubungannya yang diukur melalui pencapaian akademik.

Di bawah Anjakan ke Sembilan PPPM 2013-2025, iaitu Bekerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta Secara Meluas, pemimpin sekolah dan guru

digalakkan untuk melibatkan ibu bapa menggunakan garis panduan Sarana Sekolah. Ke enam-enam elemen iaitu Iklim Sekolah, Komunikasi Berkesan, Sokongan Terhadap Kejayaan Murid, Tanggungjawab Bersama, Keputusan Bersama dan Kerjasama Dengan Komuniti di dalam Sarana Sekolah mewujudkan peluang kepada kumpulan alumni untuk sama-sama menjayakan aktiviti peringkat sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Anjakan ke Sembilan yang dicadangkan dalam PPPM 2013-2025 adalah Bekerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta Secara Meluas. Untuk menjayakan Anjakan ke Sembilan, Modul Pelaksanaan Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta atau Modul IBKS diperkenalkan pada tahun 2013 dan diubah ke PIBK (Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti) pada awal tahun 2015. Menurut PPPM (2013), kajian antarabangsa menunjukkan dengan jelas bahawa proses pembelajaran turut berlaku di luar sekolah, termasuk di rumah dan dalam masyarakat. Kajian yang dijalankan oleh *Centre for Social Organisation of Schools* di Amerika Syarikat mendapati sekolah yang melibatkan kumpulan komuniti menikmati manfaat termasuk penurunan kadar ponteng sekolah, kadar menyiapkan kerja sekolah yang lebih tinggi, dan pencapaian gred yang lebih baik dalam kalangan murid (Buletin Anjakan, Februari 2015).

Oleh sebab itu, menjadi keutamaan kepada KPM untuk membuat anjakan daripada Sistem Persekolahan sebelum ini kepada Sistem Pembelajaran. Sistem Persekolahan hanya melibatkan Pengetua, guru, murid serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru berbanding Sistem Pembelajaran yang menambah lagi penglibatan Komuniti, Agensi Awam dan Sektor Swasta. Wenger(1998) menyatakan amalan dalam masyarakat sebagai satu gambaran kepada sistem pembelajaran sosial. Pembelajaran bukan sekadar memperoleh kemahiran dan maklumat tetapi untuk menjadi individu tertentu yang mempunyai ilmu dan pengetahuan dalam konteks di mana ia bermakna untuk dirundingkan bersama masyarakat. Lave (1991) menyebut bahawa pembelajaran bukanlah sesuatu perkongsian kognitif yang akhirnya membawa pengetahuan tertentu kepada individu, sebaliknya merupakan satu pembelajaran ke arah menjadi ahli komuniti yang mapan (kukuh atau mantap). Anjakan paradigma perlu dilakukan untuk menimbulkan kesedaran perlunya penglibatan aktif komuniti bagi kejayaan murid. Peranan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta perlu ditingkatkan supaya terlibat aktif dalam pembelajaran murid. Program yang dirancang untuk digunakan bagi mencapai hasrat perubahan Sistem Persekolahan kepada Sistem Pembelajaran ini ialah, Pelaksanaan Sarana Sekolah dan Pelaksanaan Sarana Ibu Bapa. Buku panduan Pelaksanaan Sarana Sekolah dibekalkan kepada semua sekolah-sekolah, begitu juga buku panduan Pelaksanaan Sarana Ibu Bapa yang diedarkan kepada setiap ibu bapa melalui sekolah.

Sarana Sekolah merupakan satu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara yang tercinta, Malaysia (Sarana Sekolah, 2013). Sarana Sekolah disediakan khas untuk kegunaan pihak sekolah dan dilaksanakan secara kerjasama dengan rakan kongsi sekolah (Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Lembaga Pengurus Sekolah, Persatuan

Bekas Murid/Alumni, Ahli Majlis Permuafakatan Sekolah dan ahli komuniti). Tujuan asasnya ialah untuk mempertingkatkan kerjasama antara pihak sekolah dan pihak-pihak lain yang turut mempunyai kepentingan dengan sekolah (Sarana Sekolah, 2013). Sarana Ibu Bapa merupakan satu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara yang tercinta Malaysia (Sarana Ibu Bapa, 2013).

Konsep Sistem Pembelajaran menekankan bahawa, pembelajaran berlaku melangkaui kawasan sekolah, boleh berlaku di dalam rumah dan juga dalam komuniti. Sarana Sekolah mempunyai lima tujuan khusus iaitu:

1. Mewujudkan Sistem Pembelajaran dengan memberi penekanan kepada enam elemen yang menyokong pembelajaran
2. Meningkatkan kerjasama antara pihak sekolah dan pihak yang mempunyai kepentingan dengan sekolah
3. Meningkatkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam pembelajaran murid melalui soal selidik penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta
4. Membantu pihak sekolah dengan kerjasama PIBG merancang aktiviti atau program sekolah yang boleh melibatkan pihak-pihak yang berkenaan secara aktif dan berkesan
5. Membantu pihak sekolah menjadikan sekolah sebagai sekolah berkesan dengan penglibatan aktif pihak yang berkaitan

Enam elemen yang menyokong pembelajaran di dalam Sarana Sekolah ialah Iklim Sekolah, Komunikasi Berkesan, Sokongan Terhadap Kejayaan Murid, Tanggungjawab Bersama, Keputusan Bersama dan Kerjasama Dengan Komuniti. Keenam-enam elemen ini melibatkan kerjasama antara ibu bapa, komuniti dan sekolah. Bermaksud ibu bapa dan komuniti mesti terlibat menyokong pembelajaran murid bagi memastikan kejayaan perubahan Sistem Persekolahan kepada Sistem Pembelajaran. Alumni adalah sebahagian ahli komuniti yang berada dekat dengan sekolah.

Bagi elemen Iklim Sekolah, aspek emosi terlibat dalam kajian ini, iaitu murid merasa bangga mereka berada di sekolah, menganggap sekolah adalah sebahagian daripada diri mereka dan sentiasa berusaha untuk memajukan sekolah dan mencapai kejayaan cemerlang untuk sekolah. Alumni mampu memberikan contoh dan memotivasiikan murid semasa dengan kebanggaan terhadap sekolah dan kejayaan-kejayaan yang diperolehi oleh alumni. Elemen Komunikasi Berkesan, meliputi perkongsian maklumat secara dua hala antara murid, guru dan kumpulan sokongan, ibu bapa dan ahli komuniti. Dengan itu, komunikasi yang utuh antara alumni dan pihak sekolah, melalui laman web sekolah dan laman web alumni mampu menyokong sekolah dan sentiasa dikemas kini dengan perubahan-perubahan dalam sistem pembelajaran murid di sekolah. Alumni sebagai ahli komuniti, akan peka untuk membantu sekolah mengikut kesesuaian keperluan semasa.

Elemen ketiga iaitu Sokongan Terhadap Kejayaan Murid, dapat ditunjukkan oleh alumni apabila mengiktiraf kejayaan-kejayaan murid dengan sokongan pemberian hadiah kecemerlangan untuk murid. Bagi elemen Tanggungjawab Bersama, sekolah, ibu bapa dan ahli komuniti seperti alumni berganding bahu bekerjasama dalam kegiatan yang berkaitan dengan perkembangan murid dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Alumni boleh terlibat membantu melaksanakan program kecemerlangan, program sahsiah untuk murid, juga sebagai mentor dan jurulatih untuk murid di sekolah.

Elemen ke lima iaitu Keputusan Bersama, alumni sebagai ahli komuniti terlibat bersama-sama membuat keputusan dengan pihak sekolah dan ibu bapa dalam merancang program akademik dan bukan akademik selain bekerjasama meningkatkan peratus kedatangan murid dan merendahkan peratus kes disipilin murid. Elemen ke enam Sarana Sekolah iaitu Kerjasama Dengan Komuniti, melibatkan proses menyelesaikan masalah secara bersama melibatkan semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam pendidikan. Pihak sekolah digalakkan melibatkan alumni yang aktif untuk membantu kemajuan sekolah.

Berdasarkan Modul PIBK, pelbagai perkara boleh disumbangkan oleh komuniti untuk mencapai hasrat meningkatkan potensi dan bakat murid. Sektor swasta, komuniti dan perseorangan (ibu bapa) boleh menawarkan kepada sekolah segala bentuk sumbangan seperti kewangan, kepakaran, menjalankan latihan, menjamin kualiti dalam memperkasa program sedia ada KPM, secara adil dalam pengagihan sumber, terlibat dalam program perpaduan serta kecekapan dalam penggunaan sumber sepenuhnya. Manakala peningkatan potensi dan bakat murid pula boleh dilihat dalam enam aspek apabila khidmat bantu daripada komuniti sekitar menyumbang kepada sekolah iaitu, akademik, kokurikulum, 3K (keselamatan, kebersihan, keceriaaan), bimbingan kerjaya, penyenggaraan sekolah dan motivasi/ disiplin murid.

Chen dan Chung Ming (2013) menyatakan alumni bukan sahaja tanda wujudnya sekolah, malah mereka juga dapat menyambungkan sekolah dan masyarakat kerana alumni datang dari pelbagai industri, kawasan geografi, sumber pelbagai jenis maklumat, dan sangat berharga kepada sekolah kerana boleh juga berfungsi memberikan kewangan. Alumni adalah contoh teladan yang kuat. Apabila bekas murid kembali untuk membantu sekolah, mereka membawa bersama kredibiliti mereka yang telah menjadi sebahagian daripada sekolah. Mereka berjaya walaupun menghadapi cabaran sama yang dihadapi oleh murid semasa.

Apabila alumni yang sudah berjaya, menyediakan panduan kerjaya dan karakter, mereka memberikan perspektif yang berbeza dan lebih luas melalui pengalaman kerjaya dan kehidupan mereka. Pengalaman hidup bekas murid tidak pernah gagal untuk memberikan inspirasi kepada murid semasa. Melalui contoh yang ditunjukkan oleh alumni, mereka membantu untuk menghidupkan semangat sekolah, budaya dan kepercayaan dari satu generasi ke generasi seterusnya di sekolah (Alumni Handboook, 2008). Alumni juga mampu untuk merangsang kohort alumni dalam melakukan sesuatu yang bermakna untuk alma mater mereka seperti dapat

mengumpul dana untuk kemudahan sekolah yang lebih baik dan membantu murid yang kurang berkemampuan dengan mewujudkan dana biasiswa.

Alumni merujuk kepada graduan sebuah sekolah atau institusi pengajian tertentu (Cleary, Jackson, Vehviläinen-Julkunen, Lim, & Chan, 2012). Alumni boleh dimaksudkan secara umum sebagai rakan-rakan sekolah, merujuk kepada murid masa lalu dan murid masa ini, guru-guru dan kakitangan, vendor sekolah, masyarakat tempatan dan orang-orang yang berkongsi falsafah sekolah berbanding definisi sempit sekarang yang paling biasa iaitu murid, guru dan kakitangan masa lalu (Chen & Chung-Ming, 2013). Disebalik pelbagai makna alumni yang diperolehi, alumni ialah sumber tunggal terbesar yang mungkin institusi boleh bergantung serta sumber sokongan dan motivasi kepada murid baharu yang kekurangan semangat (Williams, Leatherwood, Byrd, Boyd, & Pennington, 2010). Alumni hanyalah murid yang telah tamat pengajian, lebih tua, lebih berkuasa, rambut semakin memutih, dan kadang-kadang botak, tetapi umumnya lebih bijak dan kemampuan kewangan lebih baik daripada murid serta masih mempunyai sambungan penting dan tidak dapat dipisahkan dengan institusi pengajian yang memberikan mereka ijazah (Singer & Hughey, 2002).

Singer dan Hughey (2002) juga menyatakan bahawa perkongsian antara murid dan Persatuan Alumni mampu mewujudkan peluang kepada murid untuk pertumbuhan dan perkembangan murid. Manakala Chen dan Chung-Ming (2013) menyatakan alumni dilihat berpengaruh melalui prestasi alumni, sokongan dan pengiktirafan oleh alma mater. Marshall (2009) melalui beberapa sorotan literatur menyatakan, alumni mempunyai kepentingan untuk pelbagai sebab termasuk untuk menyediakan hadiah dalam bentuk biasiswa bagi pelbagai program atau untuk penambahan bangunan, mengambil inisiatif bekerjasama dengan pelbagai jabatan untuk meningkatkan kehidupan murid yang akan menggalakkan nama baik institusi pengajian dan mengambil bahagian dalam program-program di seluruh institusi pengajian selain membina keakraban (Forman, 1984; Miller, 1989; Okunade, 1996; Pearson, 1999; Scalzo, 1993; Singer & Hughey, 2002).

Di Malaysia, terdapat beberapa contoh alumni sekolah yang sangat aktif. Antaranya, Persatuan Alumni Sekolah Dato' Abdul Razak dikenali sebagai SDARA, iaitu ringkasan kepada Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Dato' Abdul Razak Tanjong Malim Dan/Atau Sekolah Dato' Abdul Razak Seremban mengikut tarikh perlembagaan SDARA pada 9 Februari 1978. MGC/TKC *Old Girls' Association*, iaitu bekas murid Kolej Tunku Kurshiah yang telah ditubuhkan semenjak 1961 dan didaftarkan pada 18 Januari 1962. MCOBA, merupakan persatuan alumni Maktab Melayu Kuala Kangsar, telah mengadakan Majlis Makan Malam untuk meraikan Ulang Tahun ke-85 tahun penubuhannya pada Sabtu 13 Disember 2014 di The Royale Chulan, Kuala Lumpur. SAHOCA pula, Persatuan Bekas Murid Kolej Sultan Abdul Hamid yang meraikan ulangtahun ke 100 telah memilih 3 tokoh negarawan bekas murid KSAH sebagai penerima anugerah *Collegian Of Century* iaitu KDYMM Tuanku Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah (Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Yang di-Pertuan Agung Malaysia terkini), Al-Marhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Abdul

Hamid (Perdana Menteri Malaysia Pertama) dan Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (Perdana Menteri Malaysia Keempat). Saban tahun pula anugerah *Collegian Of The Year* dianugerahkan kepada bekas murid yang berjaya menempa nama dalam kerjaya dan menyumbang balik kepada alma mater. Bagi setiap persatuan alumni, adalah penting untuk memberi kekuatan kepada sekolah dalam menjaga tradisi kecemerlangan sekolah tersebut.

Dalam beberapa dekad kebelakangan, dengan pasaran yang semakin kompetitif untuk pengajian tinggi, kolej dan institusi pengajian melihat alumni mereka sebagai sumber bernilai, menawarkan perspektif penting menilai keberkesanan program akademik (Weerts & Ronca, 2008) menganggarkan kualiti dan kesan institusi pengajian (Rubens et al., 2011) dan alumni sering digunakan untuk melatih murid sebagai mentor (Volkwein, 2010) malah alumni dan murid semasa sekolah, yang berasal daripada persekitaran sosio budaya yang sama, boleh berkongsi pengalaman yang sama (Tjas, Nelsen, & Taylor, 1997). Dalam membangunkan murid supaya mempunyai pengalaman berkualiti, pentadbir perlu melibatkan alumni dalam mengutip dana dan berbincang mengenai cara terbaik untuk peningkatan akademik, aktiviti kokurikulum, kaunseling dan kerjaya murid (Sun, Hoffman, & Grady, 2007) dan didapati wujudnya satu hubungan positif yang kuat antara kejayaan olahragawan dan sumbangan alumni kepada akademik mereka (Grimes & Chressanthis, 1994).

Dalam beberapa kajian, kejayaan akademik mempunyai hubungan yang positif dengan sumbangan alumni, seperti yang diukur oleh kedua-dua GPA (Dugan, Mullin, & Siegfried, 2000) dan skor SAT (Rhoads & Gerking, 2000) selain persepsi terhadap kualiti akademik dan martabat alma mater merupakan satu faktor alumni untuk kembali menyumbang kepada institusi pengajian (Newman & Petrosko, 2011). Ini menimbulkan kesedaran kepada alumni untuk terus menjaga kecemerlangan akademik sekolah supaya generasi yang berikutnya terus kembali untuk membantu sekolah menjaga reputasi.

Alumni daripada sesebuah institusi mempunyai peranan yang tetap dan berterusan, keperihatinan mereka boleh disamakan dengan hubungan kekeluargaan (Plummer, 2014). Sukarelawan alumni mempunyai khidmat yang penting seperti mentor, pelatih dan pemimpin kelab yang dapat meningkatkan profil institusi pengajian di kawasan mereka (Weerts & Ronca, 2007) dan sumbangan daripada alumni, sering menyokong program kokurikulum yang menarik seperti sukan dan peningkatan program akademik (Wunnava & Lauze, 2001). Alumni membantu dalam bentuk kemurahan hati untuk menderma, menasihati orang melalui komunikasi lisan untuk menghadiri perjumpaan dengan alma mater, menyertai lembaga penasihat sekolah, dan memberikan sokongan kepada organisasi (Baade & Sundberg, 1996; Leslie & Ramey, 1988; Weerts & Ronca, 2008).

Salah satu intipati dalam Anjakan ke Sembilan PPPM 2013-2025 ialah memperluaskan model Sekolah Amanah kepada 500 buah menjelang 2025 dengan melibatkan kumpulan alumni dan NGOs yang berpotensi sebagai penganjur. Konsep Sekolah Amanah bukanlah tumpuan kajian ini, namun penekanan adalah kepada

kumpulan alumni yang dipercayai suatu hari nanti mampu menjadi penganjur menguruskan Sekolah Amanah. Nyata, KPM mengiktiraf alumni sebagai ahli komuniti penting sekitar sekolah yang mampu memberikan pengaruh yang besar dalam perkembangan dan pembangunan sesebuah sekolah. Chen dan Chung Ming (2013) menyatakan alumni sebagai sumber pendidikan yang mana alumni boleh menggunakan sekolah, kerja, dan pengalaman sosial mereka untuk membuat cadangan semula kepada alma mater, selain murid juga boleh merujuk kepada pengalaman ini jika perlu.

Berdasarkan ke enam-enam elemen Pelaksanaan Sarana Sekolah, pemboleh ubah bebas yang dipilih dalam kajian ini ialah sumbangan kewangan, dorongan motivasi dan sumbangan kepakaran sukarelawan alumni sebagai salah satu ahli komuniti manakala pemboleh ubah bersandar berdasarkan potensi dan bakat murid yang dipilih ialah pencapaian akademik murid. Khususnya, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan sumbangan kewangan, dorongan motivasi dan sumbangan kepakaran sukarelawan alumni aktif di dua buah sekolah berasrama penuh satu jantina di daerah Seremban dengan pencapaian akademik murid tingkatan empat iaitu di Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban (SDAR) dan Kolej Tunku Kurshiah, Seremban (TKC).

Persatuan alumni SDAR ialah SDARA, iaitu ringkasan daripada Sekolah Dato' Abdul Razak Alumni bermaksud Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Dato' Abdul Razak Tanjong Malim Dan/ Atau Sekolah Dato' Abdul Razak Seremban, menurut Perlembagaan Dan Peraturan Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Dato' Abdul Razak Tanjong Malim Dan/Atau Sekolah Dato' Abdul Razak Seremban yang bertarikh 9 Februari 1978. Menggunakan moto *Once A Sdarian, Always A Sdarian*, SDARA ditubuhkan pada 16 April 1977 dan didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan pada Disember 1978. Penubuhan SDARA adalah berdasarkan faktor utama iaitu mengumpulkan semua bekas murid dan mewujudkan semangat kecintaan terhadap sekolah yang pernah menjadi institusi tempat mereka belajar. Moto yang dibawa ke mana-mana diharapkan oleh SDARA akan memberi manfaat kepada ahli dan juga murid SDAR sekarang yang bakal menjadi ahli SDARA. SDARA bergerak aktif dan mempunyai sebuah bangunan sendiri yang dikenali sebagai WISMA SDARA beralamat di No 3-2, Jalan Seri Putra 1/6, Bandar Seri Putera 40000 Kajang, Selangor.

Pentadbiran SDARA melibatkan satu jawatankuasa kerja yang dipilih dua tahun sekali dengan diketuai oleh Yang Dipertua dan dibantu tujuh jawatankuasa kecil yang berfungsi menjaga portfolio tertentu. Objektif SDARA adalah seperti berikut:

1. Merapatkan hubungan dan kerjasama antara sesama ahli dalam semua bidang yang tidak berlawanan dengan Perlembagaan dan Undang- undang negara.
2. Mengadakah hubungan yang erat antara ahli-ahlinya dengan Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban di dalam semua bidang.
3. Berikhtiar mendapatkan harta bagi faedah persatuan.
4. Menganjurkan kegiatan-kegiatan untuk faedah Persatuan.

Aktiviti-aktiviti anjuran SDARA seperti Majlis Makan Malam, *Grand Iftar* atau IKHLAS 3, serta aktiviti kesukunan seperti *Annual Charity Golf*, adalah untuk mengutip dana dan sumbangan bagi murid-murid Sekolah Dato' Abdul Razak yang terdiri daripada golongan fakir dan asnaf. Sumbangan kewangan diberikan kepada murid miskin di dalam majlis rasmi dan sumbangan tabungan melalui akaun Tabung Haji juga diwujudkan bagi murid yatim piatu yang pemilihan penerima adalah melalui pendapatan ekonomi keluarga murid tersebut.

Program anak angkat SDARA juga diwujudkan dan bantuan berupa pakaian dan keperluan murid disalurkan selain sumbangan kewangan. Melalui kerjasama dengan pegurusan sekolah, SDARA bergerak aktif dan sentiasa terlibat dengan pelbagai aktiviti anjuran sekolah dan PIBG SDAR. Ahli SDARA sentiasa melibatkan diri dengan aktiviti di SDAR seperti Hari Olahraga Tahunan SDAR 2014 (HOTS) kali ke 54, telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Abdul Rahim bin Uda, Bekas Hakim Mahkamah Tinggi Malaya. SDAR *Library Book Project* juga mendapat sokongan padu ahli SDARA apabila ramai yang menyumbang buku-buku ilmiah dan fiksyen untuk memenuhi perpustakaan SDAR.

Persatuan alumni Kolej Tunku Kurshiah dikenali sebagai *TKC Old Girls Association* atau Persatuan Murid-Murid Tua Maktab Perempuan Melayu Kolej Tunku Kurshiah (MGC/TKC OGA). MGC/TKC OGA telah ditubuhkan pada 16 Januari 1962 sebagai organisasi untuk bekas murid berhubung sesama sendiri dan menjaga kepentingan TKC. Persatuan ini telah didaftarkan secara rasmi pada 18 Januari 1962 sebelum kolej berpindah dari Damansara ke Seremban. Penubuhan Persatuan ini adalah hasil inisiatif Cik EM Pereira, Pengetua kolej itu, dan Puan Abbasiah Amirin Wiloughby, Ketua Murid pertama TKC. Selama beberapa tahun, Ibu pejabat OGA berada di Bangunan MCOBA, di Jalan Syed Putra, Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2009, OGA berpindah ke premis mereka sendiri di Presint 15 Putrajaya. Pelbagai aktiviti seperti bowling, latihan pertolongan cemas, pemeriksaan kesihatan, ceramah kewangan dan ceramah semasa majlis makan tengah hari mengenai pelbagai topik yang dianjurkan oleh OGA untuk faedah ahli-ahli. OGA terlibat aktif membantu dan menyokong TKC daripada pelbagai aspek.

Pada Mac 2013, Program Landskap Komprehensif telah dilancarkan untuk menambah penyediaan landskap asas di kampus baru TKC di Bandar Enstek. Projek ini adalah ilham daripada Yang DiPertua MGC/TKC OGA pada masa itu, Puan Sri Fauzah bt. Mohd Darus, yang mahukan taman landskap yang dipenuhi dengan pelbagai spesies hutan hujan tropika, pokok hiasan dan pokok renek dengan bunga berwarna-warni. OGA telah menjemput penyertaan dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan dengan objektif seperti berikut:

1. Mewujudkan rasa kekitaan kepada semua ahli TKC dan ahli-ahli alumni MGC / TKC
2. Mewujudkan sebuah taman di TKC untuk dinikmati oleh semua murid, guru-guru dan pelawat.
3. Mewujudkan peluang untuk semua pihak yang berminat untuk mengambil bahagian dan menyumbang kepada alam sekitar sebagai sebahagian daripada

- tanggungjawab sosial dalam memelihara alam semula jadi untuk manfaat generasi masa hadapan
4. Menyumbang usaha menghijaukan bumi, menyegarkan alam sekitar dan memerangi perubahan iklim.

Untuk program ini OGA menaja pembiayaan sejumlah RM 20,000.00 untuk penanaman formal pokok sawit di kawasan terbuka dataran perhimpunan sekolah TKC Bandar Enstek. Pada 1 Mei 2013, TKC Park telah dirasmikan oleh ahli OGA, HRH Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Kedah Dato' Seri DiRaja Tunku Puteri Intan Safinaz binti Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah. Pada 13 September 2014, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak menghadiri Majlis Makan Malam anjuran OGA yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi membantu murid TKC, menaik taraf dan meningkatkan kemudahan di kampus baru di Bandar Enstek dan menganjurkan program-program untuk warga tua dan anak-anak yatim. Pada majlis itu, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor melancarkan buku yang bertajuk LEGACY mengandungi aktiviti dan pengalaman bekas murid TKC

1.3 Pernyataan Masalah

Sekolah perlukan rakan kongsi yang kritikal, yang boleh membantu dalam segala aspek perjalannya (Sharifah Md. Noor, 2000). Rakan kongsi sekolah yang paling penting ialah ibu bapa, namun penglibatan ibu bapa agak terhad (Sharifah Md. Noor, 2000). Sharifah Md. Noor (2000) di dalam bukunya mengulas lanjut dengan menyentuh aktiviti perkongsian, terhad kepada sekolah dan ibu bapa sahaja sedangkan konsep perkongsian ini perlu diperluaskan dengan menyeluruh, mengambil inisiatif merancang aktiviti dengan melibatkan komuniti, badan-badan dan ahli perniagaan, institusi pengajian malah murid juga dianggap rakan kongsi yang boleh membantu.

Sukarelawan alumni dikaji dengan meluas di luar negara. Satu saranan akhir penyelidikan oleh Holquist Gary W (2011) mencadangkan untuk memberi tumpuan kepada hubungan antara pemberian kewangan alumni olahraga dan pemberian kepada akademik. Semenjak dua dekad lepas, penyelidikan mengenai alumni adalah sangat popular. Taylor dan Martin (1995) dalam Thomas dan Smart (2005) menyatakan 33 disertasi kedoktoran yang berkaitan dengan pemberian alumni dan faktornya telah dikaji. Alumni adalah sumber sokongan dan maklumat yang penting, dan kajian alumni perlu menduduki tempat yang penting dalam portfolio penyelidikan institusi (Volkwein, 2010).

Namun demikian, Weerts, Cabrera dan Sanford (2010) menyatakan kajian berkaitan alumni masih belum mencukupi. Walaupun penekanan yang semakin berkembang dalam memanfaatkan sokongan alumni untuk pendidikan yang lebih tinggi, topik penglibatan alumni di kolej-kolej dan institusi pengajian sebahagian besarnya masih belum dikaji (Weerts, Cabrera, & Sanford, 2010). Malah, Ikenberry (1999) dalam Palmer dan Koenig-Lewis (2008) menyatakan sangat sedikit kajian tentang pemberian alumni dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Tersangat kurang rujukan

yang diketahui tentang hubungan antara sumbangan alumni dan pencapaian akademik (Holmes, 2009).

Kajian berkaitan penglibatan sukarelawan alumni di sekolah atau di institusi pengajian di Malaysia agak kurang berbanding luar negara. Ini mungkin disebabkan institusi pengajian di luar negara banyak bergantung kepada sumbangan kewangan dan juga khidmat sukarelawan alumni. Komponen utama sumber kewangan institusi pengajian adalah sumbangan yang dibuat oleh alumni (Baade dan Sundberg, 1996; Cunningham dan Cochi-Ficano, 2002; Clotfelter, 2001; McDearmon dan Shirley, 2009; Quigley, Bingham, dan Murray, 2002; Taylor dan Martin, 1995; Wunnava dan Okunade, 2013). Keadaan ini sangat berbeza dengan sistem pendidikan di Malaysia yang sepenuhnya dibiayai dan ditadbir oleh kerajaan. Sharifah Alwiah Alsagoff (1985), di dalam bukunya menyatakan pendidikan di Malaysia adalah di bawah naungan kerajaan pusat yang mendapatkan wang untuk membiayai pendidikan daripada bayaran cukai oleh ahli masyarakat.

Buku Panduan Sarana Sekolah juga hanya memberikan contoh penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru bagi elemen ke enam iaitu bekerjasama dengan komuniti sebagai amalan terbaik kebangsaan. Tiada satupun Persatuan Alumni yang dijadikan contoh sebagai amalan terbaik kebangsaan sedangkan alumni diharapkan mampu menjadi penganjur bagi 500 buah Sekolah Amanah yang akan diwujudkan menjelang 2025. Alumni merupakan satu kelompok sokongan kepada sekolah yang sering dilupakan. Sekolah-sekolah di Malaysia, kebanyakannya hanya bergantung kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam mendapatkan bantuan, sokongan serta memenuhi keperluan sekolah, sedangkan penglibatan persatuan alumni sebagai sukarelawan di mana-mana sekolah dalam perkongsian pendidikan, seharusnya di maksimumkan dan bukan sekadar persatuan yang diwujudkan untuk menghubungkan silaturrahim sesama bekas murid sahaja.

